



**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI,  
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN  
CONSTRUCTION ACTION PLAN 2026–2030 (CAP30)**

**24 Februari 2026 (Selasa)**

**8.30 pagi – 11.30 pagi**

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada CIDB Malaysia yang telah menjemput saya untuk merasmikan Pelancaran Construction Action Plan 2026–2030 atau CAP30 pada hari ini.
2. Majlis ini menandakan komitmen berterusan CIDB dan Kementerian Kerja Raya dalam memperkukuhkan dan mempercepatkan transformasi industri pembinaan negara, selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk membina ekonomi yang lebih berdaya saing, mampan dan berdaya tahan.
3. Secara keseluruhan, lebih daripada 70 wakil yang merangkumi daripada pelbagai Kementerian, agensi awam dan swasta, persatuan dan profesional telah memberikan komitmen untuk menyumbang dalam pelaksanaan CAP30. Sebagai menghargai penglibatan ini, watiwah pelantikan akan disampaikan kepada Jawatankuasa Pemandu CAP30.

Hadirin yang dihormati,

4. Industri pembinaan merupakan antara sektor strategik yang menyokong pembangunan ekonomi dan sosial negara. Sektor ini bukan sahaja berperanan dalam penyediaan infrastruktur fizikal, malah mempengaruhi produktiviti nasional, rangkaian bekalan industri, pembangunan wilayah serta kualiti kehidupan rakyat.
5. Dalam landskap global yang semakin mencabar dan kompetitif, Malaysia telah menetapkan aspirasi yang jelas untuk berada dalam

kalangan 12 negara teratas dunia dari segi daya saing global. Aspirasi ini menuntut perubahan yang menyeluruh, termasuk peningkatan kecekapan sistem, pengukuhan bakat dan kemahiran tenaga kerja, penerapan teknologi serta tadbir urus yang berintegriti dan berkesan. Dalam konteks ini, transformasi industri pembinaan bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan strategik negara.

6. Bagi merealisasikan hasrat berkenaan, Kementerian Kerja Raya telah membangunkan Dasar Pembinaan Negara 2021 – 2030 (NCP 2030) yang kini dalam fasa pelaksanaan. NCP 2030 juga merupakan dasar induk yang menetapkan hala tuju strategik pembangunan industri pembinaan negara sehingga tahun 2030. NCP 2030 mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memastikan industri pembinaan Malaysia berkembang secara lebih tersusun, berdaya tahan dan relevan dengan keperluan ekonomi masa hadapan.
7. Untuk memastikan hala tuju dan objektif NCP 2030 dapat dilaksanakan secara terancang dan berfokus, CAP30 pula diwujudkan sebagai pelan tindakan bagi tempoh lima tahun bermula 2026 hingga 2030 yang berperanan untuk memperkukuhkan sektor pembinaan yang dipacu oleh pihak industri dan rakan strategik, serta disokong melalui tadbir urus dan penyelarasan oleh CIDB.
8. CAP30 digerakkan berdasarkan enam matlamat utama atau *desired end-state* yang disasarkan untuk dicapai menjelang tahun 2030. Matlamat ini ditetapkan sebagai tunjang kepada kejayaan CAP30 serta

sebagai sebagai pemangkin utama kepada pencapaian aspirasi NCP 2030.

9. Matlamat utama tersebut adalah:

- a) 100% Pematuhan CDM menjelang 2030
- b) 80% pencapaian skor bagi QLASSIC & SHASSIC
- c) 50% projek bangunan bernilai >RM40 juta mendapat penarafan hijau
- d) Tersenarai dalam 20 Teratas IMD bagi Daya Saing Global
- e) Pemain industri Malaysia diiktiraf sekurang-kurangnya di 3 pasaran antarabangsa
- f) 100% Personel Binaan diakreditasi

Hadirin yang dihormati,

10. CAP30 turut merangkumi beberapa inisiatif strategik baharu yang menyokong agenda nasional. Antaranya ialah, penerokaan sumber tenaga baharu dalam sektor pembinaan, termasuk penggunaan tenaga nuklear sebagai sebahagian daripada usaha negara memperkukuh keselamatan tenaga dan menyokong peralihan kepada ekonomi rendah karbon.

11. Di samping itu, CAP30 turut menyokong usaha Kerajaan yang menasarkankan pengurangan kebergantungan kepada tenaga kerja

asing melalui peningkatan automasi, penggunaan teknologi pembinaan moden serta pembangunan kemahiran tempatan.

12. Pendigitalan turut menjadi antara inisiatif penting dalam CAP30 yang merangkumi penggunaan teknologi digital dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek pembinaan. Pendekatan ini akan meningkatkan kecekapan dan menyokong pembentukan ekosistem industri yang lebih moden berdaya tahan dan responsif terhadap perubahan.
13. Kesemua inisiatif ini selari dengan aspirasi Ekonomi MADANI serta Rancangan Malaysia Ke-13, yang menekankan pertumbuhan ekonomi yang mampan, pembangunan modal insan dan pengukuhan daya saing negara. Dalam konteks ini, industri pembinaan bukan sekadar menyokong agenda pembangunan nasional, tetapi memainkan peranan penting sebagai pemangkin kepada pembaharuan struktur ekonomi dan peningkatan nilai jangka panjang negara.
14. Justeru itu, saya ingin menyeru semua pihak industri agar terus memberikan sokongan dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah NCP 2030, CAP30 serta lain - lain pelan strategik di bawah Kementerian Kerja Raya dan juga dasar Kerajaan. Transformasi industri pembinaan adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan kepimpinan, disiplin dan kesungguhan daripada semua pihak.
15. Dengan ini, saya merasmikan Pelancaran Construction Action Plan 2026 - 2030.

Sekian, terima kasih dan Salam Malaysia MADANI.